

Promosi Insurans Motor Hong Leong

(Dikemas kini pada 21 April 2020)

TEMPOH PROMOSI

Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (No. Syarikat. 197901002705) (46983-W) ("**MSIG**") bersama-sama mempersembahkan **Promosi Insurans Motor ('Promosi')** yang bermula pada 15 Jun 2020 dan tamat pada 30 September 2020, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Promosi**"), melainkan dimaklumkan sebaliknya.

Terma dan Syarat

Berikut adalah Terma dan Syarat untuk Promosi:-

KELAYAKAN

1. Promosi ini dianjurkan bersama oleh HLB dan MSIG, terbuka kepada semua rakyat Malaysia, Penduduk Tetap, Pemegang Permit Kerja/Pas Kerja atau sebaliknya yang diambil kerja secara sah di Malaysia dan yang telah membeli **Insurans Motor Dalam Talian HLB ("Insurans Motor")**, yang ditaja jamin oleh MSIG dalam talian melalui laman web MSIG di <https://takeiteasy.msig.com.my/hlb/> ("**Laman Web MSIG**") dalam Tempoh Promosi ("**Pelanggan**").
2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan Pelan Insurans Motor dan/atau mana-mana kemudahan yang disediakan oleh HLB/HLISB ("**HLISB**") (**2005010009144 (686191-W)**) dan/atau MSIG atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen sama ada oleh HLB/HLISB, bank-bank lain atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan sebarang proses kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** akan layak menyertai Promosi ini.
3. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB dan/atau MSIG sebagai berpotensi melakukan mana-mana perbuatan salah yang ditetapkan di sini akan terus hilang kelayakan untuk menyertai Promosi ini.
4. Pekerja-pekerja HLB/HLISB dan MSIG, wakil-wakil dan/atau ejen-ejen MSIG (termasuk agensi-agensi pengurusan Pengiklanan/Kreatif/Kempen) **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
5. HLB dan MSIG mengekalkan hak untuk menolak kelayakan mana-mana Pelanggan untuk Promosi ini atas sebarang sebab yang ditentukan wajar atas budi bicara tunggal HLB dan/atau MSIG.

KAEDAH PROMOSI

6. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan mesti melakukan langkah-langkah berikut dalam Tempoh Promosi:
 - (a) Membeli Insurans Motor dalam talian melalui Laman Web MSIG;
 - (b) Mendaftar melalui <https://forms.gle/K9wQL1N2wPkSBuzP7> ("**Halaman Pertandingan**"); dan
 - (c) Kemukakan jawapan kepada soalan kuiz pada Halaman Pertandingan.
7. Apabila Klausa Bilangan 6 telah lengkap, semua jawapan betul kepada soalan kuiz ("**Pemenang-pemenang Potensi**") akan dikumpul dan disahkan oleh MSIG.

8. Sistem automatik MSIG akan memilih satu (1) pemenang bulanan ("**Pemenang**") secara rawak daripada senarai Pemenang-pemenang Potensi. Pada keseluruhannya, akan terdapat empat (4) Pemenang, satu Pemenang setiap bulan sepanjang Tempoh Promosi.
9. Sebarang pembelian atau penyertaan sebelum atau selepas Tempoh Promosi akan dianggap tidak sah.
10. Pelanggan mempunyai peluang memenangi hadiah Promosi ("**Hadiah**") seperti mana tertakrif dalam jadual di bawah.

Hadiah	Bil. Unit Tersedia	Peruntukan
Apple* iPad (10.2-inci, Wi-Fi, 128GB)	4 unit	Jun, 2020 – 1 unit Julai, 2020 – 1 unit Ogos, 2020 – 1 unit September, 2020 – 1 unit

**Sila ambil perhatian bahawa Apple bukan penaja atau rakan kongsi Promosi ini. Logo Apple dan iPad ialah tanda dagangan Apple, yang didaftarkan di Amerika Syarikat dan negara-negara lain. MSIG dan HLB/HLISB tidak bertanggungjawab jika terdapat sebarang isu dengan produk atau penggunaan produk.*

11. Pelanggan boleh membeli berbilang Insurans Motor dalam Tempoh Promosi, setiap pembelian yang berjaya akan memberi kepada Pelanggan satu (1) penyertaan sah untuk menyertai pertandingan.
12. Setiap Pelanggan mempunyai peluang memenangi satu (1) Hadiah sahaja dalam Tempoh Promosi. (Kelayakan Hadiah ialah satu (1) bagi setiap pemegang polisi.)
13. Pemenang-pemenang akan dihubungi melalui telefon atau emel oleh wakil daripada MSIG pada penghujung setiap bulan promosi seterusnya dan selepas pengesahan telah dibuat oleh kedua-dua MSIG dan HLB bahawa Pemenang bukan pekerja HLB/HLISB dan MSIG, wakil dan/atau ejen MSIG (termasuk agensi pengurusan Pengiklanan/Kreatif/Kempen).
14. Pengumuman Pemenang-pemenang (contoh Nama dan nombor MyKad/pasport ditutup) akan dibuat pada Laman Web MSIG pada penghujung setiap bulan promosi seterusnya.
15. Pelanggan bertanggungjawab memberi butiran untuk dihubungi yang tepat seperti mana diperlukan dalam proses pembelian. MSIG dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya MSIG atau HLB tidak dapat menghubungi Pemenang-pemenang atas sebarang sebab.
16. MSIG tidak mempunyai obligasi untuk menghubungi Pemenang yang sama sekali lagi jika dia tidak memberi maklum balas setelah tiga (3) kali mencuba. MSIG akan menghubungi Pemenang Potensi seterusnya sehingga seorang Pemenang telah disahkan.
17. MSIG mengekalkan hak untuk melucutkan Hadiah dengan sepenuhnya dan tiada alternatif akan diberi atau mengganti Hadiah jika Pemenang tidak mempunyai polisi yang berkuat kuasa yang dinyatakan dalam sistem MSIG pada titik pemberian dan pematuhan.
18. Semua permohonan untuk Insurans Motor adalah tertakluk kepada kelulusan MSIG serta terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh MSIG atas budi bicara tunggal dan mutlak MSIG. Untuk layak menyertai Promosi, permohonan Pelanggan untuk Insurans Motor yang relevan dan bayaran premium insurans mesti diterima oleh MSIG dalam Tempoh Promosi.
19. Premium yang dibayar untuk Insurans Motor di bawah Promosi ini tidak boleh dipulangkan dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit, dan cek atau manfaat barangan.

20. Pelanggan bertanggungjawab dan sendirinya akan menanggung semua cukai terpakai, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
21. Semua hadiah akan dihantar terus daripada <https://www.apple.com/my> dan proses logistik adalah di bawah tanggungjawab pengedar produk hadiah. Pemenang-pemenang perlu memastikan lokasi disahkan untuk penghantaran dan penerimaan hadiah.

UMUM

22. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan:
 - (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju supaya terikat dengan T&S Promosi dan sebarang terma dan syarat relevan lain yang dikenakan oleh HLB dan MSIG dari masa ke masa;
 - (b) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") pada jangka masa tetap untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa menyemak sebarang perubahan atau pindaan kepada T&S tersebut; dan
 - (c) bersetuju untuk mengakses laman web MSIG di <https://takeiteasy.msig.com.my/hlb/> ("**Laman Web MSIG**") pada jangka masa tetap untuk melihat dan memastikan sentiasa menyemak sebarang perubahan atau pindaan kepada butiran Insurans Motor; dan
 - (d) bersetuju bahawa keputusan HLB dan/atau MSIG ke atas semua perkara berhubung dengan Promosi ini adalah terakhir, muktamad dan akan mengikat semua Pelanggan;
 - (e) bersetuju kepada MSIG untuk mendedahkan nama, nombor pengenalan (dalam bentuk tertutup) di Laman Web MSIG; dan
 - (f) memberi kuasa dan bersetuju kepada HLB dan MSIG untuk mendedahkan butiran peribadi mereka iaitu nombor-nombor untuk dihubungi kepada vendor pihak ke-3 seperti mana HLB dan MSIG fikirkan wajar untuk tujuan Promosi ini.
23. HLB dan/atau MSIG mengekalkan hak untuk:
 - (a) menambah, menghapus, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini dan/atau butiran Insurans Motor, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya atas budi bicara mutlak mereka, melalui paparan dalam Laman Web HLB dan/atau Laman Web MSIG, atau dengan sebarang cara yang HLB dan/atau MSIG anggap sesuai supaya memberi notis terdahulu kepada Pelanggan tentang penambahan, penghapusan atau pindaan tersebut; dan
 - (b) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas sebarang sebab seperti mana HLB dan/atau MSIG anggap sesuai atas budi bicara mutlak mereka untuk menyertai Promosi ini.
24. T&S yang terkandung di sini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menerima bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
25. Dokumen ini tidak dimaksudkan sebagai pelawaan atau tawaran untuk langganan Insurans Motor dan ia bukan permintaan oleh HLB dan/atau MSIG untuk langganan Insurans Motor oleh sesiapa. Pelanggan dinasihati untuk membaca dan memahami kandungan risalah produk / kontrak polisi sebelum melanggan produk insurans relevan.
26. T&S di sini perlu dibaca dengan terma dan syarat yang mengawal Insurans Motor MSIG sebagai perjanjian keseluruhan. Jika berlaku sebarang percanggahan, T&S di sini akan diguna pakai setakat mana terdapat percanggahan sedemikian.
27. Jika terdapat percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung dengan atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat terakhir di Laman Web HLB akan diguna pakai.